

Bukan hanya Anwar dapat pengampunan penuh

SHAH ALAM: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bukanlah satu-satunya ahli politik yang pernah menerima pengampunan penuh daripada Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja Melayu di negeri lain.

Sekurang-kurangnya dua tokoh politik sebelum ini turut menerima status sama, iaitu bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Allahyarham Datuk Mokhtar Hashim pada Julai 1991, dan bekas Menteri Besar Selangor, Allahyarham Datuk Harun Idris.

Pensyarah Undang-Undang dan Perlembagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Ikmal Hisham Md. Tah berkata, Mokhtar diberi pengampunan selepas disabitkan kes pembunuhan seorang ahli politik, manakala Harun dalam kes rasuah.

"Maka dengan itu, bukan Anwar sahaja yang pernah mendapat pengampunan daripada Yang di-Pertuan Agong," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau mengulas tindakan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P. Waytha Moorthy yang memfailkan saman mencabar keabsahan pelantikan Anwar sebagai Perdana Menteri kerana didakwa bercanggah dengan Perlembagaan.

Pengerusi Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (HINDRAF) itu memfailkan saman berke-



Tindakan mempertikai status pengampunan sebenarnya mencabar kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti termaktub dalam Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan."

IKMAL HISHAM MD.TAH

naan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi pada Selasa lalu, melalui Tetuan Karthig Shan dan menamakan Anwar sebagai defendan tunggal.

Pengerusi Pertubuhan Bertindak Peguam dan Intelek Kelantan, Nik Saiful Adli Burhan dilaporkan berkata, Perkara 48(1)(e) Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan seseorang hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen jika disabitkan kesalahan dan dihukum penjara setahun atau lebih, atau denda tidak kurang RM2,000, melainkan telah diberi pengampunan.

Sementara itu, Ikmal Hish-

am berkata, saman difailkan Waytha Moorthy tidak mempunyai asas kerana Mahkamah Persekutuan sebelum ini telah membuat keputusan sama dan kes duluan masih terpakai.

Katanya, tindakan mempertikai status pengampunan sebenarnya mencabar kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti termaktub dalam Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

Malah, pada 2023 Mahkamah Persekutuan turut menolak permohonan kebenaran merayu oleh peguam Mohd. Khairul Azam Abd. Aziz yang cuba mencabar keputusan Lembaga Pengampunan.